



**JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT (KEMAS)
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**

**TAWARAN MENGIKUTI KURSUS SIJIL PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK
(TABIKA/TASKA) TAHUN 2022**

Warganegara Malaysia yang berkelayakan adalah dipelawa untuk memohon mengikuti Kursus Sijil Pendidikan Awal Kanak-kanak (Tabika/Taska) Tahun 2022

1. SYARAT:-

1.1 Calon hendaklah **memiliki kelayakan** seperti berikut:

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur 21 tahun ke atas dan tidak melebihi 35 tahun pada tarikh tutup iklan;
- (c) **Diploma Akademik dalam bidang Pendidikan Awal Kanak-Kanak yang diiktiraf** oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan; **dan**
- (d) **Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu** pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

1.2 Terbuka kepada:-
i. TABIKA calon lelaki atau perempuan.
ii. TASKA calon perempuan sahaja.

1.3 Telah menamatkan pengajian dan mempunyai skrol diploma serta transkrip (**telah selesai Majlis Konvokesyen**).

1.4 Nilai CGPA 2.70 ke atas.

1.5 Tidak berkhidmat sebagai kakitangan lantikan tetap atau kontrak (*contract of service*) dalam perkhidmatan Kerajaan.

2. MAKLUMAT ASAS KURSUS:-

- 2.1 Tempat : Institut / Pusat Latihan KEMAS
- 2.2 Tempoh : Tiga (3) bulan atau tertakluk kepada perubahan yang ditetapkan oleh Jabatan
- 2.3 Kursus ini **bukanlah satu jaminan** kepada calon untuk dilantik sebagai kakitangan kontrak (*contract of service*) KEMAS. **Sekiranya dilantik**, calon akan ditempatkan mengikut keperluan dan kekosongan di seluruh negeri.

3. CARA MEMOHON:-

- 3.1 Permohonan hendaklah dibuat secara atas talian di (kis.kemas.gov.my) mulai **13 Disember 2021 (Isnin)**.
- 3.2 Pemohon hanya dibenarkan mengisi satu (1) jurusan sahaja, sama ada Tabika atau Taska.
- 3.3 Permohonan yang lewat diterima atau tidak mengikut syarat yang dinyatakan akan ditolak.
- 3.4 Hanya permohonan yang dibuat secara atas talian sahaja yang akan diproses.

4. TARIKH TUTUP PERMOHONAN:-

02 Januari 2022 (Ahad)

5. PANGGILAN TEMUDUGA:-

- 5.1 Hanya calon yang layak sahaja akan dipanggil untuk sesi temuduga.
- 5.2 Calon yang tidak dihubungi selepas tiga (3) bulan daripada tarikh tutup iklan dianggap **tidak berjaya**. Surat pemberitahuan tidak akan dikeluarkan oleh Jabatan.